

07 APR 1999

Mahathir-Nilai

MALAYSIA MAHU TERUSKAN SISTEM NILAI ASIA

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Malaysia mahu terus mengamalkan sistem nilai Asia dan memberi tumpuan kepada pendidikan walaupun sedang berusaha keras menjadi negara maju menjelang tahun 2020, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Malaysia mempunyai takrifnya sendiri mengenai negara maju dan ia tidak sama dengan takrif Barat.

"Kami mahu mempunyai kekayaan yang sama dan kemampuan teknikal, kemahiran pengurusan serta pentadbiran yang sama dengan negara maju yang lain.

"Tetapi pada masa yang sama, kami mahu meneruskan sistem nilai Asia dan pendidikan yang baik kerana ini membantu kami untuk mempunyai objektif bersama dan mempunyai keyakinan kepada kebolehan kami," katanya.

Dalam rencananya yang disiarkan oleh akhbar Jepun, Mainichi Daily News semalam, Dr Mahathir berkata seorang rakyat Malaysia kini cuba melakukan pelayaran secara solo mengelilingi dunia dan rakyat di seluruh negara merasa seronok mengikuti perkembangan usaha itu setiap hari.

"Mereka mempunyai rasa bangga, suatu sifat yang baik untuk negara," katanya, merujuk kepada Azhar Mansor yang sedang mencuba menjadi orang pertama yang belayar secara solo mengelilingi dunia tanpa henti mengikut laluan baru timur-barat-timur.

Rencana Dr Mahathir dalam ruangan Pendapat/Analisis bertajuk "Analisis Dunia Dr Mahathir" diterbitkan pada hari Isnin pertama setiap bulan dalam bahasa Jepun dan bahasa Inggeris di samping melalui Internet.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun Malaysia juga mempunyai masalah, sama seperti di negara-negara maju, umpamanya sindrom "lepak."

Beliau berkata ketika negara sedang menuju kemajuan, perkara seperti itu mungkin berlaku dan apa yang penting ialah menjadikan para belia sentiasa bersemangat dan aktif.

Dr Mahathir berkata antara cara untuk melakukannya ialah dengan memindahkan matlamat yang hendak dicapai.

"Jika kita tiba pada satu matlamat, kita buat matlamat lain. Apabila kita fikir tidak ada apa lagi yang hendak dicapai, maka ketika itu semangat kita akan mati.

"Kita perlu sentiasa mengejar sesuatu matlamat supaya semangat kita terus hidup," katanya.

Beliau menyatakan kebimbangannya terhadap sikap sesetengah rakyat Malaysia yang tidak mahu melakukan kerja yang dianggap lasak, sebaliknya memberikannya kepada rakyat asing.

"Misalnya, sesetengah daripada mereka menganggap kalau rakyat Indonesia bekerja di ladang kita, bayarannya adalah lebih murah. Tetapi sekali kita biarkan ini berlaku, lama-kelamaan mereka akan mengambil alih. Kita akan menjadi begitu bergantung kepada mereka sehingga kita tidak dapat melakukan apa pun dengan tenaga sendiri," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata beliau percaya kepada pentingnya nilai kekeluargaan, termasuk sistem keluarga besar.

"Keluarga memberi alasan untuk hidup. Saya tidak dapat membayangkan seseorang yang tidak mempunyai keluarga. Keluarga seolah-olah menambat kita kepada kehidupan. Kalau tidak kita akan terapung-apung tanpa mempunyai dasar untuk berpijak," katanya.

Perdana Menteri berkata keluarga sangat penting kepadanya.

"Saya ingin pejabat saya dekat dengan rumah, supaya saya boleh rapat

dengan keluarga saya. Saya perlukan masa lima minit sahaja untuk pulang, sebab itu saya selalu makan tengah hari di rumah," katanya.

Beliau berkata anak-anaknya kini sudah dewasa dan mempunyai rumah yang berasingan tetapi mereka masih berkumpul agak kerap.

Dr Mahathir berkata isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, merupakan teman yang baik dan memberi sokongan penuh kepadanya.

-- BERNAMA

AR RM NMO